

36. KELULUSAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN PEMAJUAN RUMAHPANGSA KOS SEDERHANA RENDAH RM50,000.00 DAN RUMAHPANGSA KOS RENDAH RM25,000.00 SEUNIT SECARA SERTA-MERTA (ON THE SPOT APPROVAL) DI JAWATANKUASA TETAP YANG DIPERTUA.

Jawatankuasa mengambil ingatan, kertas kerja Pengarah Perancangan Bandar & Pembangunan dan bersetuju untuk menerima perakuan berikut :-

1. Pelan bangunan bagi pemajuan rumahpangsa kos rendah yang dikemukakan serentak dengan permohonan merancang melalui (P) indeks tidak boleh dipertimbangkan secara serta-merta.
2. Pelan bangunan bagi pemajuan rumahpangsa kos sederhana rendah RM50,000.00 dan rumahpangsa kos rendah RM25,000.00 yang mempunyai kelulusan kebenaran merancang boleh dibentangkan untuk kelulusan secara serta-merta. (on the spot approval) tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-
 - a) Pelan bangunan hendaklah disertai bersama dokumen-dokumen sepertimana biasa dikemukakan kepada Unit Pendaftaran Pelan;
 - b) Satu salinan kebenaran merancang yang diluluskan oleh Majlis dan masih sah tempohnya perlu dikepilkan bersama;
 - c) Orang yang mengemukakan pelan bangunan mestilah menandatangani di atas setiap set pelan mengesahkan bahawa cadangan di bawah pelan bangunan adalah mengikut kebenaran merancang yang diluluskan;
 - d) Mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada jabatan-jabatan teknikal luar seperti Perbadanan Bekalan Air, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Telekom Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Pembedungan dan Jabatan Bomba & Penyelamat serta mencatat kehendak-kehendak di atas pelan bangunan;
 - e) Syarat-syarat permohonan merancang mestilah dicatatkan di dalam pelan bangunan.
3. Pelan-pelan bangunan hendaklah dibentangkan di Mesyuarat CLAP untuk disemak kehendak-kehendak teknikal sebelum dibentangkan ke Jawatankuasa Tetap Yang Dipertua.

(Diluluskan oleh MJTYDP pada 19.8.98 dan disahkan pada 27.8.98)